

## Kempen e-Islamic Fixed Deposit-i (eIFD-i) Level Up FY2026

### Terma & Syarat

#### 1. Tempoh Kempen

- 1.1 Terma dan Syarat ini akan mentadbir "**Kempen e-Islamic Fixed Deposit-i (eIFD-i) Level Up FY2026**" ("**Kempen**") oleh Maybank Islamic Berhad (200701029411) (dirujuk sebagai "**Bank**"), bermula pada **1 Mei 2026, 12.01 am (waktu Malaysia) hingga 30 Jun 2026, 11.59pm (waktu Malaysia)** (termasuk kedua-dua tarikh) atau apabila mencapai sasaran Kempen seperti yang ditetapkan atas dasar tiba dahulu layan dahulu ("**Tempoh Kempen**"). Sekiranya Kempen berakhir lebih awal, pemberitahuan akan dibuat melalui laman sesawang [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) sekurang kurangnya sehari sebelum tarikh tutup ditetapkan.

#### 2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua peletakan **e-Islamic Fixed Deposit-i ("eIFD-i")** oleh pelanggan Bank baharu dan sedia ada sepanjang Tempoh Kempen yang memenuhi jumlah peletakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3 di bawah.
- 2.2 Pelanggan mestilah mempunyai Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Konvensional/Patuh Syariah dan/atau akaun Daily Fund-i yang dibuka dan dikekalkan di mana-mana cawangan Malayan Banking Berhad /Maybank Islamic Berhad.
- 2.3 Untuk tujuan Kempen ini, semua peletakan eIFD-i mesti dibuat melalui Dana Baharu (seperti yang ditakrifkan di bawah):

*"Dana Baharu" bermaksud dana-dana dari bank-bank lain yang baru dipindahkan ke dalam akaun Pelanggan yang diletakkan di Malayan Banking Berhad /Maybank Islamic Berhad.*

- 2.4 Untuk tujuan Kempen ini, semua peletakan eIFD-i mesti dibuat melalui saluran berikut:

Saluran	Butiran
Melalui Pertukaran Proses Kewangan ("FPX") sahaja melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>Laman web M2U di <a href="http://www.maybank2u.com">www.maybank2u.com</a>; atau</li> <li>Aplikasi MAE*</li> </ul> <p><i>*Saluran ini sedang dalam fasa ujian dan mungkin diaktifkan, diubah suai atau dinyahaktifkan oleh Bank mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis lanjut.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesti mempunyai Akaun Semasa dan/ Patuh Syariah / Konvensional atau Akaun Daily Fund-i.</li> </ul>

- i) *Pertukaran Proses Kewangan (“FPX”) ialah laman web pembayaran dalam talian yang memudahkan pemindahan dana secara langsung antara bank-bank yang mengambil bahagian, menggunakan simpanan pelanggan, akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Konvensional/Patuh Syariah dan/atau Akaun Daily Find-i. Perkhidmatan FPX dianjurkan oleh Payment Network Malaysia (Paynet) yang dahulunya dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation (MyClear), anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia. Untuk butiran lanjut, sila rujuk [www.paynet.my](http://www.paynet.my)*

- 2.5 Pelanggan yang memenuhi syarat di Klausula 2 adalah dirujuk sebagai **“Pelanggan Yang Layak”**.

*Nota: Malayan Banking Berhad dan Maybank Islamic Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”). Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk maklumat lanjut.*

### 3. Mekanisma Kempen

- 3.1 Kriteria-kriteria pembahagian/segmentasi dan jumlah untuk peletakan kempen eFD-i Level Up yang layak adalah seperti berikut:

KELAYAKAN	PELETAKAN MINIMUM	PELETAKAN MAKSIMUM	SALURAN
Individu	RM1,000	RM15.0 juta setiap pelanggan	Melalui FPX sahaja melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>Laman web M2U di <a href="http://www.maybank2u.com">www.maybank2u.com</a>; atau</li> <li>Aplikasi MAE</li> </ul> <i>*Saluran ini sedang dalam fasa ujian dan mungkin diaktifkan, diubah suai atau dinyahaktifkan oleh Bank mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis lanjut.</i>

- 3.2 Butiran kadar kempen (**“Kadar Kempen”**) mengikut tempoh adalah seperti berikut:

TEMPOH (BULAN)	KADAR KEMPEN (% SETAHUN) (MELALUI FPX/DANA BAHARU)
3	3.40%
6	3.55%
12	3.55%

*Nota:*

- i) *Kadar Kempen boleh ditukar dengan sewajarnya mengikut pertukaran Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia ; jika ada semasa Tempoh Kempen.*
- ii) *Pelanjutan Automatik tidak layak untuk Kadar Kempen ini disebabkan oleh kekangan sistem.*  
*\*Nota : Pelanjutan Automatik adalah pembaharuan kepada deposit sedia ada untuk tarikh matang berikutnya .*
- iii) *Sila pastikan bahawa had transaksi FPX anda (kaedah pembayaran untuk e-dagang, membeli-belah dalam talian, pemindahan peniaga, dll.) dengan bank lain ditetapkan pada jumlah peletakan yang dimaksudkan atau lebih tinggi untuk memastikan peletakan berjaya.*

3.3 Kadar Kempen di atas hanya sah semasa Tempoh Kempen.

3.4 Apabila eIFD-i mencapai tarikh matang, kadar keuntungan akan ditukar kepada Kadar Asas Semasa Patuh Syariah untuk sebarang pembaharuan. Sila layari [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk melihat Kadar Asas semasa dan peraturan-peraturan yang terbaru mengenai pengeluaran sebelum tempoh matang untuk Islamic Term Deposit dan Term Fund-i.

#### **4. Terma dan Syarat Khusus**

- 4.1 Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk mempunyai Akaun Patuh Syariah /Akaun Konvensional Semasa/atau Simpanan/.Akaun Daily Fund-i Pelanggan yang tidak mempunyai akaun tersebut hendaklah membuka Akaun Patuh Syariah/Akaun Konvensional Semasa/atau Simpanan/ Daily Fund-i untuk menyertai Kempen ini.
- 4.2 Sebarang pengeluaran awal dana sebelum tarikh matang deposit akan tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Terms and Conditions Governing Deposit Accounts For Islamic Banking.
- 4.3 Penempatan eIFD-i melalui FPX akan diproses serta-merta selepas proses pendebitan dan pengkreditan dana berjaya disempurnakan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau transaksi yang tidak berjaya (jika ada), dan dana tersebut akan dipulangkan kepada bank berkenaan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Tarikh efektif bagi penempatan eIFD-i akan bermula selepas proses tersebut berjaya disempurnakan.

- 4.4 Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Yang Layak untuk peletakan yang dibuat melalui Maybank2u antara jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam, tujuh (7) hari seminggu (waktu tempatan), atau pada waktu yang ditetapkan oleh Bank, -atas dasar siapa cepat, dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.

## 5 **Terma Dan Syarat Umum**

- 5.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pem- prosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada pihak Bank.
- 5.2 Bank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh pihak Bank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada pihak Bank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi bank yang boleh didapati di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan- Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh pihak Bank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh pihak Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti pihak Bank yang berkaitan dengan Kempen.

\*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 5.5 Bank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh pihak Bank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggung terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh pihak Bank.
- 5.6 Bank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah pihak Bank.
- 5.7 Bank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- 5.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada pihak bank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).